

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP)

(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang tidak difahami oleh anda, anda disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada pihak berkecuali dan/atau berbincang lebih lanjut dengan wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah).

VERSI BAHASA MALAYSIA

Bank : **AFFIN Islamic Bank Berhad**
 Produk : **AFFIN Smart Money-i**

1. Apakah produk ini?

AFFIN Smart Money-i adalah Fasiliti Kemudahan Tunai yang dicagarkan pada Deposit Berjangka-i (AITD-i)/Deposit Tetap (FD) yang disediakan untuk pelanggan individu AITD-i/FD. Had Fasiliti Kemudahan Tunai yang diberikan adalah sehingga 100% daripada amaun AITD-i/FD yang diletakkan dengan Affin Islamic Bank Berhad atau Affin Bank Berhad.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Tawarruq**
 Konsep Syariah yang terpakai untuk AFFIN Smart Money-i ialah *Tawarruq*. *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada harga jualan lebih tinggi (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual Komoditi kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.
- **Wakalah**
 Di bawah kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep *Wakalah*. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak Pelanggan untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq*.
- **Wa'd**
 Pelanggan akan melaksanakan Akujanji Pembelian berdasarkan konsep *Wa'd*. Di bawah Akujanji Pembelian tersebut, Pelanggan berjanji untuk membeli daripada Bank komoditi patuh Syariah tertentu ("Komoditi" terdiri daripada minyak sawit mentah (MSM), getah atau mana-mana komoditi lain) seperti yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi pada Harga Jualan Bank.

3. What do I get from this product?

Kelayakan	Individu:- <ul style="list-style-type: none"> • Rakyat Malaysia dan Penduduk Tetap • Berumur dari 18 tahun ke atas 						
Tujuan	Penggunaan peribadi						
Had Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum: RM 10,000 • Maksimum: Sehingga 100% nilai AITD-i/FD yang diletakkan secara lien • Pelanggan boleh menggabungkan beberapa akaun AITD-i miliknya untuk memohon amaun/had fasiliti yang dikehendaki. • Fasiliti Kemudahan Tunai akan ditawarkan selagi AITD-i/FD kekal diperuntukkan dengan Bank. 						
Tempoh Aqad (untuk Transaksi Tawarruq)	120 bulan						
Kadar Efektif Keuntungan ke atas Had Kemudahan yang digunakan (Baki Harian)	Kadar keuntungan yang menarik seperti di bawah:- (Tertakluk pada terma dan syarat) <table border="1" style="margin: 10px auto;"> <thead> <tr> <th>Kadar Keuntungan*</th> <th>Kadar Keuntungan Tahunan Efektif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>KAS + _____ setahun</td> <td>_____ % setahun</td> </tr> <tr> <td>KAS + _____ setahun</td> <td>_____ % setahun</td> </tr> </tbody> </table> <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kadar keuntungan akan ditentukan pada masa permohonan. ➤ Sila layari AffinAlways.com untuk Kadar Asas Standard (KAS) terkini. ➤ Sebarang promosi atau pakej istimewa bagi produk ini akan dimaklumkan kepada Pelanggan oleh pihak Bank melalui pelbagai saluran komunikasi. <p><u>Kiraan Keuntungan:</u> Formula = Amaun Kemudahan yang Digunakan x Kadar Keuntungan x $\frac{\text{Bilangan Hari}}{365}$</p>	Kadar Keuntungan*	Kadar Keuntungan Tahunan Efektif	KAS + _____ setahun	_____ % setahun	KAS + _____ setahun	_____ % setahun
Kadar Keuntungan*	Kadar Keuntungan Tahunan Efektif						
KAS + _____ setahun	_____ % setahun						
KAS + _____ setahun	_____ % setahun						

Kadar Keuntungan Efektif ke atas Had Kemudahan yang tidak digunakan (Baki Harian)	EPR adalah satu peratus (1%) setahun pada had yang tidak digunakan yang terpakai untuk jumlah Kemudahan melebihi dua ratus lima puluh ribu (RM250,000.00). <i>Kiraan Keuntungan:</i> <i>Formula = Amaun Kemudahan yang tidak Digunakan x Kadar Keuntungan x $\frac{\text{Bilangan Hari}}{365}$</i>												
Bayaran Bulanan	Kiraan Bayaran Bulanan: <i>Bayaran Bulanan =</i> <i>Amaun Keuntungan ke atas Amaun yang digunakan + Amaun Keuntungan ke atas Amaun yang tidak digunakan</i>												
Kadar Keuntungan Siling (KKS)	12.00% setahun												
Ilustrasi	<table border="1"> <thead> <tr> <th>ITEM</th> <th>BUTIRAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(a) Had yang diluluskan</td> <td>RM 300,000</td> </tr> <tr> <td>(b) Amaun Had yang digunakan</td> <td>RM 100,000 (dari Hari 1 hingga Hari 30)</td> </tr> <tr> <td>(c) EPR terhadap Had yang digunakan</td> <td>KAS + 1.70% = 4.70% setahun</td> </tr> <tr> <td>(d) Amaun Had yang tidak digunakan</td> <td>RM 200,000</td> </tr> <tr> <td>(e) EPR terhadap Had yang tidak digunakan</td> <td>1% setahun</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pengiraan Keuntungan: -</p> <p>(i) Amaun Kemudahan Had yang digunakan^(b) x Kadar Keuntungan^(c) x $\frac{\text{Bilangan Hari}}{365}$</p> <p>Setiap Hari: 100,000 x 4.70% x 1/365 hari = RM 12.87 Bulanan: RM 12.87 x 30 hari = RM 386.30 (A)</p> <p>(ii) Amaun Kemudahan yang Tidak Digunakan^(d) x Kadar Keuntungan^(e) $\frac{\text{Bilangan Hari}}{365}$</p> <p>Setiap Hari: 200,000 x 1% x 1/365 hari = RM 5.47 Bulanan: RM 5.47 x 30 hari = RM 164.10 (B)</p> <p>(iii) Jumlah Keuntungan yang Dicaj untuk Bulan tersebut (A+B) = RM 550.40</p>	ITEM	BUTIRAN	(a) Had yang diluluskan	RM 300,000	(b) Amaun Had yang digunakan	RM 100,000 (dari Hari 1 hingga Hari 30)	(c) EPR terhadap Had yang digunakan	KAS + 1.70% = 4.70% setahun	(d) Amaun Had yang tidak digunakan	RM 200,000	(e) EPR terhadap Had yang tidak digunakan	1% setahun
ITEM	BUTIRAN												
(a) Had yang diluluskan	RM 300,000												
(b) Amaun Had yang digunakan	RM 100,000 (dari Hari 1 hingga Hari 30)												
(c) EPR terhadap Had yang digunakan	KAS + 1.70% = 4.70% setahun												
(d) Amaun Had yang tidak digunakan	RM 200,000												
(e) EPR terhadap Had yang tidak digunakan	1% setahun												
Cagaran	Deposit Berjangka-i /Deposit Tetap boleh diterima dengan jumlah minimum RM 10,000. Nota: Sekuriti di atas tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh bank.												

4. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

5. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KAS?

KAS boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada kadar penanda, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (KDS).

6. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu dalam tempoh 3 tahun yang lepas:

Sila rujuk AffinAlways.com untuk data sejarah terkini.

Pergi ke PERIBADI > Pinjaman dan Pembiayaan > Peribadi > AFFIN Smart Money-i > Maklumat Penting > Panduan Pengguna mengenai Kadar Rujukan

7. Apakah kewajipan saya?

- Anda dikehendaki untuk membayar bahagian keuntungan daripada Harga Jualan Bank pada setiap bulan (pembayaran keuntungan) tertakluk pada Kadar Keuntungan ke atas Had Kemudahan yang digunakan dan Kadar Keuntungan ke atas Had Kemudahan yang tidak digunakan, yang mana ianya tidak akan melebihi KKS.
- Atas tuntutan, anda dikehendaki untuk membuat penyelesaian penuh untuk pembayaran keuntungan belum jelas dan amaun yang digunakan (bahagian prinsipal) daripada Harga Belian Bank.
- **Penting:** Keuntungan bulanan dan jumlah amaun pembayaran anda akan berbeza tertakluk pada perubahan Kadar Asas Standard (KAS).

Example:

Facility Limit = RM10,000
 Profit Rate = SBR + 1.70% per annum
 Aqad Tenure = 5 years

	KAS hari Ini 3.00% setahun	Jika KAS meningkat 1%	Jika KAS meningkat 2%
Kadar Keuntungan (setahun)	4.70%	5.70%	6.70%
(a) Keuntungan bulanan untuk 5 tahun ¹	RM 39.91	RM 48.41	RM 56.90
(b) Jumlah keuntungan pada akhir tempoh 5 tahun ²	RM2,394.60	RM2,904.65	RM3,414.24
(c) Jumlah keseluruhan pembayaran pada akhir tempoh 5 tahun ³	RM12,394.60	RM12,904.65	RM13,414.24

Simulasi di atas dikira berdasarkan formula berikut:

¹ Had Kemudahan (Yang penuh digunakan) x Kadar Keuntungan x Bilangan Hari i.e.31 / 365

² Pembayaran Untung Bulanan (a) x Tempoh Pembiayaan (dalam bulan)

³ Jumlah kos keuntungan(b) + Had Kemudahan

PENTING:

- Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Sila rujuk laman web kami di **AffinAlways.com** untuk KAS terkini.
- Berdasarkan ilustrasi di atas, amaun keuntungan akan dinaikkan/diturunkan selaras dengan kenaikan/penurunan
- KAS dan perubahan tersebut akan ditunjukkan pada bulan berikutnya.
- Sekiranya Kemudahan tersebut tertunggak sembilan puluh hari (90) dalam pembayaran keuntungan, AITD-i/FD akan ditarik balik atau dicairkan dengan hasilnya akan dikreditkan ke arah penyelarasan akaun pembiayaan tersebut. Segala kekurangan dalam akaun akan diselesaikan oleh Pelanggan.

8. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis Fi/Caj	Butiran Yuran/Caj
Duti Setem	Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Pindaan 1989).
Yuran Broker	RM5.00 bagi setiap RM1.0 juta (asas pro-rata).
Melebihi had Kemudahan	Akaun mesti dikendalikan dalam had kemudahan yang diluluskan. Jika lebih melebihi had kemudahan diluluskan, kos pentadbiran sebanyak 1.00% setahun akan dikenakan ke atas jumlah lebih dikira dari tarikh lebih melebihi had kemudahan sehingga tarikh penyelesaian penuh lebih jumlah .
Yuran Pemprosesan (setiap permohonan)	Tiada caj
Yuran mendapatkan Sekuriti Dokumen (setiap permintaan - untuk set lengkap dokumen)	RM30.00
Yuran Penstrukturan/ Penjadualan Semula	Tiada caj
Penyata pembiayaan tambahan (setiap permintaan)	RM10.00

Nota:

- Yuran Broker adalah tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang disebut oleh pembekal komoditi.
- Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang terpakai kepada Kemudahan pembiayaan anda.
- Seperti terma dan syarat lain yang terkandung di dalam Surat Tawaran.

9. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

- Jika anda menghadapi masalah untuk melaksanakan kewajipan pembiayaan anda, hubungi kami awal untuk membincangkan pembayaran alternatif. Kelewatan di pihak anda boleh menyebabkan akibat berikut:
 - Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami untuk menyelesaikan baki belum jelas dalam akaun Kemudahan ini di mana kami akan memberitahu anda terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
 - Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda yang akan menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

Caj Ganti Rugi (*Ta'widh*)

- Sebelum tarikh matang Kemudahan tersebut
Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas keuntungan tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh:

$$= \text{Keuntungan atau ansuran tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Selepas tarikh matang Kemudahan tersebut
Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalaman Kadar Pasaran Wang antara bank Secara Islam (IIMM) pada baki belum jelas i.e. Harga Jualan tertunggak ditolak *ibra* (jika ada):

$$= \text{Baki belum jelas} \times \text{kadar semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Ia akan bermula daripada tarikh pembayaran pertama kali dimungkirkan sehingga tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.
- Caj ganti rugi pada kadar yang disebutkan di atas akan dibayar oleh anda selepas dan sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- Walau apa pun jumlah caj ganti rugi yang dikenakan, ia diakui dengan jelas dan bersetuju bahawa amaun caj ganti rugi tersebut tidak akan dikompaun lagi.
- Sila rujuk kepada kewajipan lain seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.

10. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Pihak Bank tidak mengenakan tempoh tertutup (*lock-in*) untuk Kemudahan ini dan tiada yuran yang dikenakan bagi penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (*ibra*) yang bersamaan dengan Keuntungan Tertunda semasa waktu penyelesaian:

Formula Rebate (*Ibra*):

$$\text{Rebat (Ibra)} = \text{Keuntungan Tertunda} - \text{Kos Anggaran Yang Munasabah Yang Ditanggung Oleh Bank}$$

Nota:

- *Keuntungan Tertunda = Jumlah Keuntungan Dipersetujui – Keuntungan Terakru*
- *Jumlah Keuntungan Dipersetujui = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank*
- *Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan atas prinsipal tertunggak yang digunakan*

11. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?

Ya. Cagaran adalah AITD-i/FD yang diletakkan secara lien dengan Affin Islamic Bank/Affin Bank dengan nilai bersamaan atau lebih daripada amaun fasiliti.

12. Apakah risiko utama?

Kadar keuntungan bagi pembiayaan ini adalah terapung dan bersandar kepada KAS. KAS mungkin akan berubah bergantung kepada kadar rujukan. Kenaikan dalam kadar keuntungan mungkin mengakibatkan bayaran bulanan yang lebih tinggi/lanjutan tempoh pembiayaan.

Nota:

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan Fasiliti anda, sila hubungi dan berbincang dengan pihak kami.

13. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

- Adalah penting untuk anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya kepada anda.
- Selaras dengan dasar/garis panduan AFFIN Islamic Bank dan dokumen sekuriti standard, sebarang perubahan pada butiran peribadi perlulah secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pelanggan dan dialamatkan kepada Affin Islamic Bank Berhad.

14. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.

<p>Alamat: AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD Jabatan Pengurusan Kualiti Aset 401 & 501, Block C, Kelana Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.</p>	<p>No Hubungan Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin– Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)</p>	<p>03-8230 2828</p>
---	---	---------------------

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi “e-Borang untuk membuat maklumbalas/aduan pelanggan” yang boleh didapati di laman web di AffinAlways.com yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi kami di:

Alamat: AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi Level 9, Menara Affin, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.	No Hubungan Waktu Operasi: 8:00 pg. – 12:00 mlm. (Isnin – Ahad)	03-8230 2222
	E-mel	yourvoice@affingroup.com
	Laman Web	https://www.affingroup.com https://www.AffinAlways.com

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Level 5 and 6, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),Jalan Raja Laut, City Centre 50350 Kuala Lumpur.	AKPK Infoline	03-2616 7766
	No. Faks	03-2616 7601
	Waktu Operasi	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia Link atau BNMLINK di:

Alamat: BNMLINK Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922) 50929 Kuala Lumpur	No. Telefon Waktu Operasi: 9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)	1-300-88-5465
	No. Faks	03-2174 1515
	Borang Web eLINK	https://bnmlink.bnm.gov.my

15. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan pembiayaan, sila hubungi kami di cawangan Bank yang berhampiran atau hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-8230 2222 atau layari laman web kami di AffinAlways.com untuk maklumat lebih lanjut.

NOTA PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN PADA KEMUDAHAN TUNAI ANDA.

AKAUN ANDA MUNGKIN AKAN DITUTUP SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BULANAN BAGI KEMUDAHAN ANDA SEPERTI BIASA.

- Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya/kami oleh staf, wakil atau ejen Bank.

NAMA : _____
TANDATANGAN : _____
TARIKH : _____

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran pendedahan ini sah dari **29 NOVEMBER 2024**

**LPP ini perlu diisi oleh Pegawai Jualan Bank*